

*Gambar Mahkamah Syariah Pertama, Negeri Selangor Darul Ehsan terletak berhampiran Masjid Sultan Sulaiman, Kelang, Selangor Darul Ehsan dan Istana Alam Shah, Kelang, Selangor Darul Ehsan.*

## Kadi Besar Semasa Pemerintahan Sultan Abd Samad 1857 - 1898



Sultan Abd. Samad
(1857 - 1898)

**Kadi Besar**

1. Tuan Ahmad (Siam)
2. Tuan Hj Yusuf (Semarang)
3. Tuan Syed Abdul Rahman bin Idrus Al Jaffri (Wan Semboh, Riau)
4. Y.M. Raja Haji Hitam (Pemangku)

## Syekh Al-Islam, Kadi Besar Semasa Pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah Ibni Almarhum Raja Musa. (1898 - 1938)



Sultan Alaeddin Suleiman Shah Atiqullah Ibni Almarhum Raja Musa

**Syekh Al Islam**

Y.M. Engku Mahmod Zohdi B. Engku Abdul Rahman

**Kadi Besar**



Y.M. Raja Haji Othman B. Raja Yahya, JP

## Mufti, Kadi Besar semasa pemerintahan Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah Atiqullah



Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah Atiqullah
(1938-1942) & (1945-1960)

**Mufti**



Tuan Haji Yusuf B. Shahbuddin
(1953-1967)

**Kadi Besar**

Tuan Haji Husain B. Haji Abbas
(1967-1969)

## Mufti, Kadi Besar dan Ketua Hakim Syarie semasa Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj. (1960 - Kini)



DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj)
(Sultan Selangor Darul Ehsan)

**MUFTI**



Tuan Hj. Yusuf Bin Shahabuddin PJK
(1953 - 1967)

Tuan Hj. Mohd. Ghazali Bin Hj. Abdullah - AMN
(1968 - 1970)



Tuan Hj. Saleh bin Hasan Farid
(1970 - 1980)



Dato' Hj. Hasan Bin Omar
(1981 - 1985)



S.S Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Dato' Hj. Ishak Bin Hj. Baharum - PJK
(1985 - Sedang Berkhidmat)

**KADI BESAR**

Tuan Hj, Husain Bin Hj. Abbas PJK
(1947 - 1969)



Dato' Haji Hasan Bin Omar
(1969 - Mac 1971)



Tuan Hj. Arshad Bin Masjuri
(1971 - 1984)



Tuan Hj. Abu Naim Bin Hj. Ikhsan ASA., PJK
(1980) Pemangku

**KETUA HAKIM SYARIE**



Yang Teramat Arif Tuan Hj. Abu Naim Bin Hj. Ikhsan
ASA., PJK
[illegible]

## Mufti, Kadi Besar semasa pemerintahan Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah Atiqullah



Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alaeddin Suleiman Shah Atiqullah
(1942-1945)

**Mufti**



Tuan Haji Yusuf B. Shahbuddin
(1953-1967)

**Kadi Besar**

Tuan Haji Husain B. Haji Abbas
(1967-1969)

# CARTA ORGANISASI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN



# *MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR DALAM SEJARAH*



*DYMM Sultan Hishamuddin Alam Shah sedang bersamayam di atas mimbar membaca Khutbah di dalam Masjid Alauddin, Kuala Langat.*

**1945**

Oktober 1945 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah ditubuhkan oleh DYMM Sultan Hishamuddin Alam Shah

**1946**

Januari 1946 satu rombongan ke Negeri Johor untuk meninjau susunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

**1947**

Tahun 1947 Undang-undang Tubuh Negeri Selangor digubal

**1948**

Tahun 1948 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ditubuhkan dengan rasminya

**1948**

Tahun 1948 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor digubal

**195**



DYMM Sultan Hisham

**1974**

Tahun 1974, dua bentuk kategori kakitangan disatukan di bawah JAIS.

**1981**

Tahun 1981, Ibu Pejabat JAIS berpindah ke Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam.

**1983**

Februari 1983, Terdapat 13 Pejabat Agama Islam Daerah/ kawasan Kadi di Negeri Selangor.

**1984**

1984, Enekman keluarga Islam Negeri Selangor digubal dan dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1989.

**1989**

July 1989, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor bagi menggantikan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952.



*Masjid Alauddin Bandar, Kuala Langat.*



*Bangunan Pejabat Agama Islam Yang pertama di Negeri Selangor.*

Lampiran C ( 1 )

# CARTA ORGANISASI
# MAHKAMAH SYARIAH
# SELANGOR DARUL EHSAN



Lampiran C ( 1 )

# CARTA ORGANISASI
# MAHKAMAH SYARIAH
# SELANGOR DARUL EHSAN



# CARTA ORGANISASI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH SELANGOR DARUL EHSAN



# PERINTAH HADHANAH ( PENJAGAAN ANAK)

NEGERI TANAH MELAYU
NEGERI SELANGOR
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KUALA LANGAT
KES MAL BIL: 181 TAHUN 1999

DI ANTARA

SITI ZARINA BT ALIAS
(NO.K/P: 780728-10-5586) PLAINTIF

DENGAN

MUHD SAIFUL B MAKHRAGI
(NO.K/P: 770516-10-5219) DEFENDAN

DI HADAPAN YANG ARIF
TUAN HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KLANG DAN KUALA LANGAT
DI KUALA LANGAT

PADA 22HB. FEBRUARI, 2000 DALAM MAHKAMAH TERBUKA

## PERINTAH

BAHAWASANYA satu perintah telah dikeluarkan oleh Mahkamah ini pada 22 haribulan Februari, 2000, di hadapan Yang Arif Tuan Haji Mukhyuddin Bin Haji Ibrahim, dengan kehadiran Plaintif dan Defendan, setelah membicarakan satu permohonan, Permohonan Cerai Takliq oleh Plaintif. Perbicaraan dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 50, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor No.4, Tahun 1984. Mahkamah memutuskan seperti berikut:

1. MAHKAMAH MEMUTUSKAN bahawa MUHD SAIFUL B MAKHRAGI (Defendan) telah menceraikan SITI ZARINA BT ALIAS (Plaintif) dengan talaq satu pada 22 haribulan Februari, 1999. Cerai kali pertama, berjumlah satu talaq. Isteri dalam keadaan suci dan tiada mengandung. Cerai dalam Mahkamah.

2. Atas persetujuan bersama, Mahkamah Perintah dan fardhukan seorang anak (SITI NOR AKILA) diletakkan di bawah jagaan Plaintif (ibu).

3. Atas persetujuan bersama, Mahkamah Perintah dan fardhukan, seorang anak (SITI NOR AKIDAH) diletakkan di bawah jagaan Defendan (bapa).

4. Atas persetujuan bersama, Mahkamah Perintah dan fardhukan, Plaintif dibenarkan melawat dan membawa anak yang bernama SITI NOR AKIDAH berjalan-jalan dan dibenarkan tinggal bersama anak tersebut dua kali seminggu serta memulangkan semuyla kepada Defendan dalam keadaan selamat.

5. Atas persetujuan bersama, Mahkamah Perintah dan fardhukan, Defendan (bapa) membayar nafkah anak yang di bawah jagaan ibu sebanyak RM50.00 sebulan mulai Februari 2000 ke hadapan sehingga satu perintah lain dikeluarkan. Nafkah anak hendaklah dibayar secara tunai terus kepada Plaintif.

# PERINTAH HADHANAH ( PENJAGAAN ANAK)

**DAN SELANJUTNYA ADALAH DIBERITAHU** bahawa keingkaran mematuhi Perintah ini dengan sengaja akan menyebabkan tuan/puan boleh didakwa atas kesalahan menghina Mahkamah di bawah Seksyen 220 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor Tahun 1991.

**PERINTAH** ini dikeluarkan di bawah tandatangan dan Meterai Mahkamah ini pada 26 haribulan Mei, 2000.

~~HAKIM~~ / PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KLANG / K. LANGAT

**PERINTAH** *ini difailkan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah Daerah Klang dan Kuala Langat di Kuala Langat.*

# PERINTAH NAFKAH EDDAH

**NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU**
**NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KLANG/K.LANGAT**
**KES MAL BIL ; 153 TAHUN 1996.**

DI ANTARA

**SALEHUDDIN BIN SAONA & SAONER.** ... **PIHAK MENUNTUT**
**K/P ; A 0051644**

DAN

**JALILA BINTI HAMID @ A.RAHMAN.** ... **PIHAK KENA TUNTUT**
**K/P ; A 0680718**

DI HADAPAN YANG ARIF
TUAN HAJI NARAWI BIN HAJI SALLEH
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KLANG DAN KUALA LANGAT
SELANGOR DARUL EHSAN.

**TARIKH 16HB MEI 1997** **DALAM MAHKAMAH TERBUKA.**

## PERINTAH

**KES** ini telah didengar pada hari ini dengan dihadiri oleh Pihak Menuntut dan Pihak Kena Tuntut secara bersendirian. **SETELAH MENDENGAR** keterangan ke dua-dua belah pihak dan di atas persetujuan bersama Mahkamah meluluskan permohonan Pihak Menuntut di bawah Sek.45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor No.4 Tahun 1984 dengan perintah seperti berikut;

i) Pihak Menuntut difardhukan membayar nafkah anak sebanyak RM50.00 sebulan mulai hari ini hingga kepada satu perintah lain dikeluarkan.

ii) Pihak Menuntut juga diwajibkan membayar nafkah eddah sebanyak RM100 sebulan selama eddah.

iii) Pihak Menuntut diarahkan membayar nafkah tertunggak kepada Pihak Kena Tuntut yang kesemuanya berjumlah RM500.00 dengan kadar bayaran RM50.00 hingga RM100.00 sebulan sehingga selesai.

**BAYARAN-BAYARAN TERSEBUT** hendaklah dibayar atas nama Pihak Kena Tuntut (Puan Jalila Binti Hamid @ A.Rahman ) melalui Penolong Pendaftar, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Langat.

**KEPUTUSAN DAN PERINTAH** ini telah dikeluarkan di bawah tanda tangan dan meterai Mahkamah ini pada 16hb Julai 1997

METERAI

HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KLANG DAN KUALA LANGAT.

**PERINTAH** ini difailkan oleh Pembantu Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang yang beralamat di Mahkamah Rendah Daerah Klang, Tingkat Atas Bangunan Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Jalan Dato' Hamzah, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.

San/...

# PERINTAH NAFKAH MUTA'AH

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA LANGAT
KES MAL BIL. 135/98.

DIANTARA

NOR AZIMAH BINTI ABD. RAZAK .... PIHAK MENUNTUT
NO.K.P. 720322-10-6090

DAN

ROZAIMI BIN ZAHARI .... PIHAK KENA TUNTUT
NO.K.P. 730825-10-5099

DIHADAPAN YANG ARIF,

TUAN HJ. MUKHYUDDIN BIN HJ. IBRAHIM

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA LANGAT

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PADA 1 OKTOBER 1999 . DALAM MAHKAMAH TERBUKA

PERINTAH.

KES ini diputuskan pada hari ini dengan dihadiri oleh Pihak Menuntut bersama Peguamnya Puan Mardiah binti Ahmad Kasim dari Biro Bantuan Guaman Selangor. Pihak Kena Tuntut tiada hadir.

SETELAH MENDENGAR keterangan hujah wakil Pihak Menuntut dan Pihak Kena Tuntut MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN seperti berikut:-

1. Mahkamah sabitkan tuntutan Pihak Menuntut, Mahkamah perintahkan dan fardhukan Pihak Kena Tuntut membayar nafkah diri Pihak Menuntut sebanyak RM200.00 sebulan mulai Oktober, 1999 kehadapan sehingga satu perintah lain diberi.

2. Mahkamah Perintah dan fardhukan Pihak Kena Tuntut membayar nafkah 3 orang anak di bawah jagaan Pihak Menuntut sebanyak RM300.00 sebulan mulai Oktober, 1999 kehadapan sehingga satu perintah lain oleh Mahkamah.

3. Mahkamah perintah segala bayaran secara Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga.

Dikeluarkan di bawah tandatangan dan dimeterai Mahkamah pada 26 hb. Oktober 1999.

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SELANGOR DARUL EHSAN

Hakim Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
DAERAH KUALA LANGAT

Perintah ini difailkan oleh Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman Selangor beralamat di Tingkat 5, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Perintah C

# PERINTAH NAFKAH ANAK

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA LANGAT
KES MAL BIL. 135/98.

DIANTARA

NOR AZIMAH BINTI ABD. RAZAK .... PIHAK MENUNTUT
NO.K.P. 720322-10-6090

DAN

ROZAIMI BIN ZAHARI .... PIHAK KENA TUNTUT
NO.K.P. 730825-10-5099

PERINTAH TAHANAN PENDAPATAN TENAGA
SEKSYEN 4(1)(Menguatkuasakan Nafkah)
Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak 1968.

Kepada:

Bahagian Pentadbiran,
Unit Penguatkuasa
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN.

BAHAWASANYA suatu perintah telah dibuat oleh Mahkamah ini pada 11hb. Oktober, 1999 setelah membicarakan suatu permohonan untuk perintah nafkah yang mana telah diperintahkan bahawa Pihak Kena Tuntut En. Rozaimi bin Zahari nombor Kad Pengenalan 730825-10-5099 seorang kakitangan di Jabatan tuan diperintahkan dan difardukan membayar kepada Pihak Menuntut bayaran berikut mulai bulan Oktober, 1999 iaitu :-

PERINTAH NAFKAH ANAK



1.1. Pihak Kena Tuntut membayar nafkah 3 (tiga) orang anak sebanyak RM300.00 setiap sebulan mulai bulan Oktober, 1999 ke hadapan;

DAN BAHAWASANYA adalah juga diperintahkan bahawa suatu Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga dikeluarkan terhadap Ketua Jabatan Pihak Kena Tuntut untuk mendapatkan bayaran yang tersebut di atas mulai bulan Oktober, 1999. MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN bahawa tuan sebagai Ketua Jabatan Pihak kena Tuntut hendaklah membayar kepada Pihak Menuntut itu bayaran nafkah anak sebanyak RM300.00 (Ringgit Malaysia; Tiga Ratus Ringgit sahaja) sebulan mulai bulan Oktober, 1999 ke hadapan atau sehingga suatu Perintah lain dikeluarkan. BAYARAN-BAYARAN hendaklah dibuat dengan Cek atau Kiriman Wang Jabatan Perkhidmatan Pos Tanpa Palang atas nama Pihak Menuntut Nor Azimah binti Abdul Razak No.Kad Pengenalan 720322-10-6090 dan dihantar terus kepadanya melalui Biro Bantuan Guaman Selangor di alamat Tingkat 5, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan bahawa tuan hendaklah terus berbuat demikian dan melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah ini.

PERINTAH NAFKAH ANAK

DAN SELANJUTNYA ADALAH DIBERITAHU bahawa keingkaran mematuhi perintah ini dengan disengajakan akan menyebabkan tuan boleh didakwa di bawah Seksyen 12(1) Akta yang tersebut di atas.

DIKELUARKAN di bawah tandatangan dan Meteri Mahkamah ini Pada 26 haribulan Oktober 1999.

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH ... SELANGOR DARUL EHSAN

Hakim
Mahkamah Rendah Syariah
DAERAH KUALA LANGAT.

Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga ini difailkan oleh Penolong Pengarah, Biro Bantuan Guaman Selangor beralamat di Tingkat 5, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

MM-Nor Azimah

Keratan Akhbar "Kemas Kini Sistem Mahkamah Syariah"

# Kemas kini sistem Mahkamah Syariah

SISTEM pentadbiran Mahkamah Syariah harus dikemas kini bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kredibilitinya yang kian dipertikaikan.

Wakil Badan Perhubungan Umno Sabah, Yusof Apdal, berkata dalam usaha kerajaan menyeragamkan hukum Islam, aspek itu harus diambil kira kerana masyarakat umum seolah-olah sudah hilang kepercayaan terhadap mahkamah syariah dan tidak yakin ia boleh menyelesaikan masalah mereka.

Katanya, antara faktor ketidakyakinan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah ialah kecekapan pentadbiran, komitmen pegawai mahkamah dan banyaknya kes tertangguh sehingga bertahun-tahun.

"Islam adalah agama yang komprehensif dan progresif namun apabila sistem syariahnya lemah dan tidak bermaya maka keseluruhan Islam akan menerima kritikan dan kutukan," katanya membahaskan usul agama, semalam.

Beliau juga menarik perhatian mengenai hukum Faraid iaitu sistem pembahagian harta menurut Islam yang masih kabur fungsinya.

"Ramai yang tidak faham dan tidak tahu kewujudannya. Kesedaran masyarakat harus ditingkatkan malah penggemblengan ilmu perlu diperhebatkan," katanya.

Selain itu, Yusof menegaskan mengenai kepentingan pewujudan masyarakat penyayang untuk menghapuskan gejala sosial yang berteraskan kejujuran, keikhlasan dan kasih sayang.

Ketika membahaskan usul yang sama, wakil Perhubungan Umno Pahang, Zainuddin Jumaat menyarankan Kementerian Pendidikan memberi peruntukan khusus kepada mata pelajaran berkaitan pendidikan agama Islam di setiap sekolah.

Katanya, setakat ini peruntukan itu tidak jelas dan bercampur dengan mata pelajaran lain.

Beliau juga menyarankan Kementerian Belia dan Sukan menyediakan pegawai agama bagi setiap program yang dilaksanakannya sama ada di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah.

"Kita tidak mahu parti pembangkang membangkitkan isu yang mendakwa program Rakan Muda menyebabkan pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan.

"Kementerian terbabit patut menyediakan pegawai agama bagi memastikan setiap program mengikut amalan dan tuntutan Islam," katanya.

Wakil Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Hamdan Mohamad, pula menyarankan supaya ahli menghayati pendidikan Islam yang sebenar dalam usaha membantu kerajaan menangani gejala sosial di kalangan remaja yang kian berleluasa.

"Remaja iaitu anak bangsa kita sendiri adalah pelaburan amat berharga bagi pembangunan keluarga serta ummah. Jika kita mahu memastikan mereka menjadi insan berguna, sewajarnya mereka dipupuk dan dibajai dengan keimanan dan ketakwaan," katanya.

Lampiran F

Keratan Akhbar "Pentadbiran Mahkamah Syariah Diselaras"

# Pentadbiran mahkamah syariah diselaras

SH 9/2/97

**DEWAN NEGARA**

Laporan
Noordin Zakaria

KERAJAAN menubuhkan sebuah jabatan baru dikenali Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk menyatu dan menyelaraskan pentadbiran semua mahkamah syariah negeri, kata Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Muhamad Abdullah.

Jabatan berkenaan, menurutnya, diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Setakat ini ia hanya mempunyai empat kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan aspek perundangan Islam selepas usaha menyelaraskan hukum syariah di peringkat negeri selesai.

Kerajaan juga, menurut Muhamad, menyediakan hakim untuk mahkamah rayuan yang ditempatkan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang baru ditubuhkan itu.

"Jika ada kes dibawa ke mahkamah rayuan di peringkat negeri, kita akan menghantar hakim dari jabatan ini untuk membicarakan kes itu di negeri," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen, semalam.

Terdahulu, Muhamad memberitahu penubuhan jabatan baru itu ketika menjawab soalan Senator Kamilia Ibrahim di Dewan Negara.

Usaha mendapatkan persetujuan semua negeri sedang dijalankan untuk menyelaraskan hukum syariah termasuk dari segi peruntukan undang-undang, penguatkuasaan dan hukuman.

Muhamad berkata, setakat ini lima negeri menyatakan persetujuan untuk mengadakan penyelarasan, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka.

Menurutnya, negeri lain juga difahamkan akan menyatakan persetujuan mereka selepas isu sama dibangkitkan pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja, baru baru ini.

Katanya, apabila proses menyelaras hukum syariah di peringkat negeri selesai, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia akan mula beroperasi serentak dengan penyelarasan itu.

"Tetapi hakim mahkamah rayuan yang ada di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sekarang, juga sudah boleh dipanggil membicarakan kes di mahkamah rayuan di peringkat negeri," katanya.

Sambil mengakui usaha menyelaraskan hukum syariah mungkin mengambil masa, Muhamad berkata:

"Tetapi aspek yang boleh diselaraskan dahulu seperti mewujudkan jawatan baru dan menyelaraskan sijil nikah, kita buat dahulu." Menurutnya, sehingga ini kerajaan sudah mengenal pasti aspek perundangan Islam yang hendak diselaraskan.

"Sebenarnya Jakim sendiri pernah menyelaraskan aspek perundangan Islam, tetapi apabila sampai di peringkat negeri, ia dipinda sedikit sebanyak. Oleh itu sekarang kita hendak selaraskan semula.

"Ini kerana persoalan yang timbul sekarang ialah mengapa hukuman tidak serupa. Itu yang hendak kita selaraskan," katanya.

Terdahulu ketika menjawab soalan di Dewan Negara, Muhamad berkata, ada 370 kes tertangguh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada tahun lalu berbanding 388 kes pada tahun sebelumnya.

LAMPIRAN G

# CONTOH DERAF PERINTAH

BIRO BANTUAN GUAMAN (LEGAL AID BUREAU)
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
TINGKAT 5, PLAZA PERANGSANG,
PERSIARAN PERBANDARAN,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

TEL.NO. 5506298/5506192

FAX.NO. 5590846

---

SURAT KAMI: BBG.S(NS-1)35/96
TARIKH: 16 hb. Mac, 1999

13 APR 1999
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA LANGAT

Penolong Pendaftar,
Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat,
Bgn. Mahkamah Rendah Syariah
Banting,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tuan,

DERAF PERINTAH BERTARIKH 31HB. DISEMBER, 1998
KES MAL. BIL. 4/97
ANTARA: SAUDAH BT. MINEON
DAN : JASNI BIN SAWAL

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak Biro telah memfailkan deraf Perintah pada 31hb. Disember, 1998 tetapi sehingga kini deraf tersebut belum dikembalikan. Mohon kerjasama pihak tuan mengembalikan deraf tersebut sekiranya telah diluluskan untuk tindakan pihak kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SHAMSUDDIN BIN HUSSIN)
b.p. Penolong Pengarah.
Biro Bantuan Guaman Selangor,
SELANGOR DARUL EHSAN.

mi-cover-mah-KERAMAT.

BIRO BANTUAN GUAMAN
(LEGAL AID BUREAU),
SELANGOR.
TINGKAT 5, PLAZA PERANGSANG,
PERSIARAN PERBANDARAN,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel.: 03-5506
03-5506
Fax: 03-5590

Surat Tuan:

Surat Kami: BBG.S(NS-1)35/

Tarikh: 29 hb. April., 19

14 MAY 1999

Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Kuala Langat
Bangunan Mahkamah Rendah Syariah
Banting
SELANGOR

Tuan,

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA LANGAT DI BANTING
KES SIVIL BIL. 4/97.

Adalah dengan hormatnya kami ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

--- Bersama-sama ini disertakan:-

1.1 Sesalinan Deraf Perintah yang telah diluluskan;

1.2 Empat (4) salinan Perintah;

untuk tandatangan Mahkamah tuan.

2. Sila kembalikan Perintah tersebut setelah disempurnakan oleh pihak tuan.

3. Kerjasama tuan dalam perkara ini amat kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menurut perintah

(ZURAINI BTE ABD. RAZAK)
B.p Penolong Pengarah
Biro Bantuan Guaman
SELANGOR DARUL EHSAN

../Ct (NS-1)35-96(PER-SYA)

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)

NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU

NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA LANGAT DI BANTING

KES SIVIL BTL. 4/97

ANTARA

SAUDAH BTE MINEON
NO. K.P 630504-10-7474 ... PIHAK MENUNTUT

DAN

JASNI BIN SAWAL
NO. K.P 6270201 ... PIHAK KENA TUNTUT

DI HADAPAN YANG ARIF TUAN HAKIM

TUAN HJ. MUKHYUDDIN BIN HJ. IBRAHIM

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA LANGAT

PADA 22HB. DISEMBER 1998 DALAM MAHKAMAH TERBUKA

# P E R I N T A H

KES ini didengar dan diputuskan pada hari ini dengan dihadiri oleh Pihak Menuntut diwakili oleh Puan Zuraini Bte Abd. Razak dari Biro Bantuan Guaman Selangor dan Pihak Kena Tuntut hadir bersendirian. SETELAH MENDENGAR keterangan Pihak Menuntut dan Pihak Kena Tuntut SERTA hujjah-hujjah wakil Pihak Menuntut DAN ATAS PERSETUJUAN KEDUA BELAH PIHAK Mahkamah memerintahkan seperti berikut:-

1.1 Pihak Kena Tuntut diperintahkan membayar nafkah bagi empat (4) orang anak sebanyak RM300.00 sebulan.

1.2 Pihak Kena Tuntut membayar perbelanjaan untuk Hari Raya Puasa sebanyak RM200.00 dan Hari Raya Haji sebanyak RM200.00 setahun sekali.

1.3 Pihak Kena Tuntut diperintahkan juga membayar perbelanjaan untuk awal persekolahan sebanyak RM400.00 sebelum 1 Januari setiap tahun.

1.4 Nafkah eddah akan dibayar oleh Pihak Kena Tuntut sebanyak RM500.00 pada bulan Mei 1999.

1.5 Pihak Kena Tuntut membayar mutaah sebanyak RM100.00 sebulan sehingga selesai berjumlah RM2,000.00.

1.6 Baki hutang tunggakan bayaran rumah yang beralamat di No. 60, Rumah Murah Kg. Sawah, 42700 Banting, Selangor akan dijelaskan oleh Pihak Kena Tuntut melalui caruman KWSP beliau.

1.7 Semua bayaran akan dibuat melalui Biro Bantuan Guaman Selangor.

DIKELUARKAN pada 26 haribulan Februari, 1999.

HAKIM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
KUALA LANGAT, BANTING

Perintah ini telah difailkan oleh Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman Selangor beralamat di Tingkat 5, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

BBG.S(NS-1)35/96 (NS-1)35-96(PER-SYA)